

Tidak rela dihalau dari jawatan sekarang

060

**MAHATHIR:
SAYA TETAP
MELAWAN**

MM 22 MAR 1987

P

JITRA 21 Mac — Presiden UMNO, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini bahawa beliau tidak rela dihalau dari jawatannya sekarang, tetapi sebaliknya akan tetap melawan jika dicabar atau dipaksa mengundurkan diri.

“Saya sudah lama memberi pengakuan bahawa bila sampai masanya, saya akan meletakkan jawatan, tetapi saya tidak rela dihalau oleh mana-mana kumpulan sekalipun. Bila saya cuba dicabar dan diturunkan, saya akan lawan dan tidak akan membiarkannya,” tegas Perdana Menteri.

Berucap merasmikan sidang perwakilan UMNO bahagian Kubang Pasu di Sekolah Menengah Jitra di sini pagi ini, Datuk Sri Dr. Mahathir juga menegaskan kesediaannya untuk “bersumpah junjung Quran di masjid” jika dikehendaki berbuat demikian bagi membuktikan segala tuduhan yang dilemparkan terhadapnya selama ini tidak berasas sama sekali.

Serentak dengan itu beliau mencabar golongan - golongan tertentu supaya memberikan bukti - bukti terhadap tuduhan - tuduhan yang dilemparkan terhadapnya itu, termasuk dakwaan kononnya beliau merupakan seorang Perdana Menteri yang paling kaya di dunia.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, selama ini beliau memang membisu kerana “pada mulanya saya memang tidak mahu bercakap langsung tentang pemilihan ini,” tetapi kini beliau tidak dapat membisu lagi kerana didapati bermacam - macam fitnah dilemparkan terhadapnya.

“Saya hairan kenapa buat tuduhan yang tidak ada asas sama sekali. Kalau ada asas sila tunjukkan asas itu dan saya pun akan tunjukkan asas-asas saya pula,” ujar beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau sedar bahawa tidak semuanya akan suka padanya tetapi ada caranya yang baik, yang gentleman untuk menajutuhkan orang.

“Tetapi bila dihalau, kita pun berasa, manusia juga, tentulah kita nak kena lawan balik. Ini yang menjadi masalah,” jelas beliau.

Mengenai tuduhan kononnya beliau Perdana Menteri kaya sekali di dunia, Datuk Sri Dr. Mahathir mengulangi bahawa beliau hanya mempunyai sebiji rumah sahaja dan tidak ada rumah lain di Kuala Lumpur, Genting Highlands atau di Cameron Highlands.

“Kalau nak suruh junjung Quran di masjid pun saya buat. Saya bukan orang yang mudah nak buat sumpah yang semacam itu,” tegasnya.

“Kita nak berkhidmat, itu saja niat, akhirnya kita nak mati, bukan nak boleh bawa ke akhirat lepas mati, tak boleh bawa apa yang kita dapat di dunia ini, setakat dunia saja,” tambah beliau.

Menurutnya, yang ditinggalkan ialah nama baik dan apa gunanya nak tinggalkan nama yang busuk.

LIHAT MUKA 11

Mahathir: Saya tetap melawan

MM 22 MAR 1987

Di samping menyeru pemimpin supaya sanggup bersabar untuk menunggu giliran masing - masing bagi menerajui parti, Presiden UMNO itu mengingatkan ahli-ahli UMNO terhadap orang - orang yang kerana tidak dapat sesuatu bagi kepentingan diri, nafsu dan kecewa mengecam balik segala dasar kerajaan, tidak boleh diterima sama sekali menjadi pemimpin.

“Orang - orang semacam itu kita tidak boleh terima sama sekali jadi pemimpin yang akan merosakkan parti kita,” tambahnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir bagi pertama kali membuat pengakuan bahawa beliau tidak pernah cuba untuk menjatuhkan Datuk Hussein Onn kerana semata - mata hendak jadi Perdana Menteri ataupun presiden parti yang dianggapnya tidak patut dilakukan.

Sejarah pucuk pimpinan negara sejak zaman Tunku Abdul Rahman sehingga Tun Hussein Onn menunjukkan bahawa tidak seorangpun berusaha untuk menjatuhkan satu sama lain.

“Allahyarham Tun Razak bersabar selama 13 tahun untuk menjadi Perdana Menteri, Tun Hussein Onn tidak menjatuhkan Tun Razak dan saya sendiri tidak pernah cuba menjatuhkan Tun Hussein Onn untuk menjadi Perdana Menteri,” kata beliau.

“Ketika saya menjadi Timbalan Perdana Menteri, saya sentiasa memberitahu Tun Hussein saya sedia menjalankan apa-apa saja tugasnya yang tidak dapat dilakukan kerana kesihatan,” tambah beliau.

“Yang ada sekarang ini tiga tahun pun tak larat nak tunggu,” tambah Presiden UMNO itu yang mendapat tepukan gemuruh dari para perwakilan.

Datuk Sri Dr. Mahathir selanjutnya bertanya bolehkah dibandingkan orang ini dengan Tun Razak, Tun Dr. Ismail dan Tun Hussein Onn.

Beliau menambah, bolehkah dibandingkan mereka ini, iaitu orang yang cuba hendak menjatuhkan pemimpin sebelum pun masanya tiba walaupun pemimpin telah memberi pengakuan akan letak jawatan kerana lazimnya manusia semakin tua umurnya

dan tidak sebaliknya. Presiden UMNO itu menasihatkan pemimpin yang hendak naik ke atas supaya sanggup bersabar menunggu untuk menguasai parti dengan sepenuhnya dan bagi mengelakkan perselisihan faham dan kata-kata buruk.

“Kita tunggu dan bila sampai giliran kita, kalau diizinkan Allah kita akan dapat tempat itu. Apa yang nak gopoh - gapah sangat, tak payah gopoh kita dapat,” ujarnya.

Menurutnya beliau tidak usaha apa-apa pun dapat juga tapi bergantunglah pada nasib.

Datuk Sri Dr. Mahathir sebaliknya menegur golongan tertentu di dalam UMNO sekarang yang berkempen di sana - sini dengan buat kumpulan - kumpulan tertentu bahawa “ini adalah kumpulan si polan, ini adalah kumpulan si polan” yang diikuti oleh orang lain.

Bersabit dakwaan setengah orang terdapat krisis pimpinan di dalam UMNO sekarang, Datuk Sri Dr. Mahathir sebaliknya mendakwa orang yang berkata begitu bertujuan untuk merebut jawatan dengan menimbulkan krisis itu.

Menurutnya, sekarang ada di dalam UMNO kalau tidak dapat jawatan dan kepentingan diri mereka sanggup menghancurkan parti dan membuat fitnah - fitnah dan tohmah yang tidak berasas sama sekali.